



Terbit pada Sabtu  
minggu pertama setiap bulan

# Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

# BH

Berita Harian

## Tahun 2015 dijangka mencabar untuk industri sawit

Oleh Fadzil Ghazali  
afazzilg@mpob.gov.my

**Kuala Lumpur:** Pertumbuhan rendah ekonomi negara pengimport utama minyak sawit disertai dengan peningkatan pengeluaran lemak dan minyak sayuran akan membuat tahun 2015 mencabar untuk industri sawit negara.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, adalah penting pemain industri sawit merangka strategi baru untuk tahun 2015 dalam usaha memantapkan lagi pertumbuhan dan ketahanan industri itu.

"Industri sawit negara telah menjadi komponen terbesar sektor pertanian Malaysia di mana lebih 70 peratus tanah pertanian negara ditanam dengan sawit. Industri sawit adalah tunggak serta penggerak utama sektor pertanian dengan lebih 620,000 pekerja," kata beliau dalam teks ucapan perasmian Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2015, di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh. Turut hadir pada seminar itu adalah Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

### Rekod prestasi baik

Katanya, sektor minyak sawit negara merekodkan prestasi baik pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya.

"Pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) naik 2.3 peratus kepada 19.6 juta tan pada tahun 2014 berbanding 19.2 juta tan di tahun 2013 berikutan peningkatan kadar perahan minyak (OER) sebanyak 1.8 peratus kepada 20.62 peratus dan pertambahan kawasan matang baru terutama di Sarawak.

"Jumlah eksport minyak sawit 2014 jatuh 2.6 peratus kepada 25 juta tan berbanding 25.7 juta tan pada tahun sebelumnya. Dari segi pendapatan ianya naik sebanyak 3.4 peratus kepada RM63.4 juta berbanding RM61.3 juta di tahun 2013 berikutan harga purata minyak sawit yang tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya," katanya.

MSM didagangkan pada purata RM2,383.50 satu tan pada tahun 2014 berbanding RM2,371.00 satu tan pada tahun 2013.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, kerajaan akan sentiasa memperkenankan langkah-langkah untuk membantu sektor hulu dan hiliran industri sawit.

Lihat muka 2



**Datuk Amar Douglas Uggah Embas mengisi B7 ke tangki kenderaan** sambil diperhatikan Datuk Himmat Singh dan Datuk Dr Choo Yuen May. Turut serta ratu terjun negara, Pandelega Rinong.

» Proses naikan tahap adunan biodiesel sawit dengan diesel petroleum ke 10 peratus bermula

## B7 kini di Sarawak, Sabah dan Labuan

Himmat Singh dan Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, Program B7 di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan akan membabitkan pembekalan B7 ke 366 stesen minyak.

### Guna 576,000 tan biodiesel sawit setahun

"Ini akan menggunakan 138,000 tan biodiesel sawit setahun sekali gus melengkapkan jadual pelaksanaannya di seluruh negara dengan anggaran penggunaan 576,000 tan biodiesel sawit setahun.

"Ini secara langsung akan menjimatkan penggunaan diesel fosil hampir 667.6 juta liter dalam tempoh setahun," kata beliau pada majlis pelancaran itu di sini, baru-baru ini.

Bagi menjayakan pelaksanaan program biodiesel, Kerajaan melalui MPOB memperuntukkan RM340 juta bagi pembinaan kemudahan pengadunan biodiesel di 35 depoh petroleum seluruh negara milik syarikat petroleum iaitu Petronas Dagangan Berhad, Shell (M) Trading Sdn Bhd; Petron Refining & Marketing Bhd; Chevron (M) Limited; Boustead

Petroleum Marketing Sdn Bhd; dan Senari Synergy Sdn Bhd.

Sehingga kini, ada lima depoh petroleum di Sarawak yang dimiliki Petronas, Shell dan Senari Synergy, manakala lapan depoh petroleum di Sabah dimiliki Shell, Petronas dan Petron, dan dua petroleum depoh di Labuan milik Petronas dan Shell.

Dana pembinaan kemudahan pengadunan biodiesel di depoh petroleum diperoleh daripada Dana Penstabilan

**"Ini akan menggunakan 138,000 tan biodiesel sawit setahun sekali gus melengkapkan jadual pelaksanaannya di seluruh negara dengan anggaran penggunaan 576,000 tan biodiesel sawit setahun"**

**Douglas Uggah Embas,** Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Harga Minyak Sawit.

Beliau berkata, Kementerian dan MPOB akan terus melaksanakan konsultasi dengan pihak berkepentingan seperti Japanese Automobile Manufacturers Association (JAMA), Malaysian Automotive Association (MAA) dan pengeluar-pengeluar kenderaan bagi memastikan pelaksanaan Program B7 berjalan lancar.

### Kajian saintifik

Mengenai pelaksanaan Program B10, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, kerajaan melalui MPOB giat menjalankan kajian saintifik mengenai kesesuaian penggunaan adunan 10 peratus biodiesel sawit terhadap enjin diesel.

Bagi menggalakkan penggunaan di sektor industri, MPOB memperuntukkan sebanyak RM3 juta melalui Skim Insentif Biodiesel Sawit (SIBS) dengan penawaran sebanyak RM300 satu tan pembelian atau penggunaan biodiesel sawit.

Pelaksanaan program biodiesel sawit di Malaysia bertujuan mengukuhkan harga minyak sawit sekali gus menggalakkan penggunaan bahan api mesra alam yang membantu pengurangan pelepasan gas rumah hijau.

Oleh Fadzil Ghazali  
afazzilg@mpob.gov.my

Bintulu

Bermula dengan 5, ditingkatkan kepada 7 dan kini proses menaikkan tahap adunan biodiesel sawit dengan diesel petroleum ke 10 peratus telah bermula.

Program B7 (adunan 7 peratus metil ester sawit bersama 93 peratus diesel petroleum) secara rasminya dilaksanakan di seluruh negara pada 17 Januari lalu. Bagi seluruh Semenanjung, Program B7 bermula pada November 2014.

Majlis Pelancaran Penggunaan Biodiesel Sawit di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan disempurnakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas di Shell Kintown Petrol Station Sdn Bhd. Majlis diserikan dengan kehadiran Ratu Terjun Negara Pandelega Rinong - Srikanthi Malaysia berasal dari Sarawak.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk

Industri sawit Malaysia telah merekodkan prestasi yang bercampur-campur pada tahun 2014 dengan prestasi positif dalam aspek pengeluaran minyak sawit mentah (CPO), harga produk-produk sawit dan nilai eksport keseluruhan keluaran sawit, manakala prestasi menurun dalam aspek kuantiti eksport dan juga import.

Pengeluaran CPO Malaysia secara keseluruhannya telah meningkat bagi tahun 2014 sebanyak 2.3% atau 0.45 juta tan kepada 19.67 juta tan berbanding dengan 19.22 juta tan pada tahun 2013. Ini adalah hasil dari pengeluaran dari Sabah dan Sarawak yang masing-masing telah meningkat sebanyak 4.8% dan 10.5%. Negeri Sabah telah meningkatkan pengeluaran CPOnya dari 5.78 juta tan kepada 6.06 juta tan manakala Sarawak pula meningkatkan daripada 3.11 juta tan kepada 3.44 juta tan. Semenanjung Malaysia pula mencatatkan penurunan pengeluaran sebanyak 1.5% atau 0.16 juta tan kepada 10.17 juta tan berbanding dengan 10.33 juta tan yang dihasilkan pada tahun 2013.

Peningkatan keseluruhan pengeluaran CPO Malaysia adalah ekoran daripada pertambahan kawasan tanaman matang yang baharu mengeluarkan hasil, terutamanya di Sarawak, serta peningkatan kadar perahan minyak sawit (OER) pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya. Kawasan tanaman sawit telah meningkat daripada 5.23 juta hektar kepada 5.39 juta hektar atau pertambahan sebanyak 3.1%.

Industri sawit Malaysia telah merekodkan pertumbuhan OER dari 20.25% bagi tahun 2013 kepada 20.62% bagi 2014, peningkatan sebanyak 1.8%. Ini merupakan satu lagi faktor peningkatan pengeluaran CPO Malaysia. OER untuk Sabah adalah yang paling tinggi iaitu 21.49%, meningkat sebanyak 2.1% dari 2013. Sarawak merekodkan OER sebanyak 20.43% dan Semenanjung Malaysia sebanyak 20.19%.

Walau bagaimanapun, hasil buah tandan segar tahun 2014 adalah lebih rendah pada 18.63 tan sehektar berbanding dengan 19.02 tan sehektar untuk tahun 2013, penurunan sebanyak 2.1%. Penurunan ini berlaku akibat dari penurunan hasil bagi Semenanjung Malaysia dan Sarawak, masing-masing pada 5.3% dan 0.6%. Sabah pula telah mencatat hasil tertinggi sebanyak 21.34 tan sehektar; peningkatan sebanyak 2.2% dari tahun 2013.

Pada kebiasaannya, jumlah pengeluaran CPO adalah sealiran dengan jumlah eksport sawit. Untuk 2014, senario ini tidak berlaku kerana jumlah eksport menguncup sebanyak 2.7% berbanding peningkatan pengeluaran CPO sebanyak 3.1%. Jumlah eksport minyak sawit telah menurun sebanyak 4.8% dari 18.15 juta tan kepada 17.28 juta tan disebabkan penurunan eksport bagi minyak sawit yang diproses sebanyak 11.0% berbanding dengan peningkatan eksport bagi CPO sebanyak 17.4%. Eksport bagi lain-lain produk sawit pula telah meningkat dari 7.56 juta tan dalam tahun 2013 kepada 7.74 juta tan bagi tahun 2014. Ini terdiri dari peningkatan eksport minyak isirung sawit mentah (31.5%), oleokimia (3.7%), produk siap (22.5%) dan lain-lain produk sawit (58.1%).

Walaupun jumlah eksport sawit berkurangan, nilai eksportnya telah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.4%. Nilainya meningkat dari RM61,363 juta pada tahun 2013 kepada RM63,460 juta pada tahun 2014. Prestasi harga yang baik telah membantu kenaikan nilai eksport ini, terutamanya bagi nilai eksport minyak isirung sawit (peningkatan sebanyak 22.5%), oleokimia (21.4%), produk akhir (26.7%) dan lain-lain produk sawit (52.8%).

Destinasi utama bagi eksport minyak sawit (CPO dan minyak sawit diproses) adalah China, India, EU, Pakistan, dan USA. Dari senarai ini, India merupakan negara pengimport terbesar dengan jumlahnya sebanyak 3.23 juta tan, diikuti oleh China (2.84 juta tan), EU (2.41 juta tan), Pakistan (0.81 juta tan) dan USA (0.78 juta tan).

Walaupun bekalan akhir tahun telah meningkat sedikit kepada 2.01 juta tan berbanding 1.99 juta tan sebelumnya, ia tidak memberi kesan pada prestasi harga sawit sepanjang tahun 2014. Purata harga bagi tahun 2014 adalah RM2,383.50 setan berbanding dengan harganya pada tahun 2013 sebanyak RM2,371.00 satu tan. Pengukuhan harga sawit adalah disebabkan oleh kekangan penawaran minyak sawit tempatan semasa suku pertama 2014, paras stok minyak sawit menurun kepada 1.66 juta tan pada akhir Februari 2014 serta disokong oleh kebimbangan terhadap kesan cuaca kering yang berpanjangan akan mengganggu pengeluaran minyak sawit pada bulan Mac dan April 2014.

Secara global, diskaun harga CPO berbanding minyak kacang soya (SBO) dan minyak sesawi (RSO) menurun. Harga CPO jatuh AS\$36 satu tan atau 4.2% kepada AS\$821 setan berbanding SBO jatuh AS\$148.00 satu tan atau 14.0% kepada AS\$909 satu tan dan RSO jatuh AS\$175 satu tan atau 16.2% kepada AS\$907 setan berbanding AS\$1,057 satu tan dan AS\$1,082 satu tan, masing-masing pada tahun 2013.

Kesimpulannya, walaupun eksport minyak sawit menurun pada tahun 2014, nilai eksportnya tetap meningkat kerana harga sawit yang lebih stabil. Harga sawit perlu diperkukuhkan dan menguntungkan pelabur-pelabur dalam industri ini, terutamanya pekebun-pekebun kecil. Pelaksanaan program B7 yang dilancarkan oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas pada akhir tahun 2014 berjaya mengukuhkan harga minyak sawit. Langkah melaksana program B7 meletakkan Malaysia se tanding negara maju dalam penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

MPOB dengan sokongan MPIC dan kerjasama industri sawit akan terus memperkenalkan tindakan bagi membantu peningkatan sektor minyak sawit hulu dan hiliran untuk menangani daya saing produk minyak sawit dan juga sentiasa memantau pembangunan dan melakukan tindakan diperlukan bagi meningkatkan prestasi industri minyak sawit tempatan. Dengan kerjasama di antara pihak-pihak berkenaan, prestasi industri sawit Malaysia akan dikukuhkan lagi pada tahun 2015.



**MINDA**  
Datuk Dr Choo  
Yuen May

Ketua Pengarah  
MPOB

# MPIC pergiat usaha hadapi tahun 2015

» *Kementerian susun semula strategi jayakan Program Transformasi Ekonomi*

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

► **Putrajaya:**

**K**ementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan mempergiatkan usaha meneruskan program dan aktiviti sedia ada serta merangka pelan tindakan pelaksanaan aktiviti dan program baru bagi menghadapi tahun 2015.

Menterinya, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, tumpuan akan diberi kepada usaha di semua peringkat untuk mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA).

“Untuk itu, MPIC dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan meneliti dan menyusun semula strategi dan pelan tindakan bagi menjayakan program di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) sektor sawit dan getah, katanya sewaktu menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Bulanan MPIC Bil 1/2015, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, satu mak-



*Saya berharap setiap program yang dicadangkan hendaklah dinikmati oleh semua pihak di peringkat hulu dan hiliran serta jangan ada pihak yang tercicir”*

**Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi**



mal bagi meneliti dan merangka pelan tindakan berkaitan projek di bawah NKEA akan dilaksanakan selama tiga minggu mulai hujung Januari 2015.

Beliau turut menggesa warga MPIC dan agensi memberi tumpuan sepenuhnya dalam menyediakan cadangan program Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11).

“RMK11 adalah fasa akhir pelan hala tuju pembangunan ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

“Saya berharap setiap program yang dicadangkan hendaklah dinikmati oleh semua pihak di peringkat hulu dan hiliran serta jangan ada pihak yang tercicir,” katanya.

**Peruntukan RM1.7 bilion**

Selain itu, beliau turut menyatakan, dalam Bajet 2015 yang dibentang oleh Perdana Menteri pada Oktober tahun lalu memberi peruntukan RM1.7 bilion kepada sektor komoditi.

Katanya, dengan peruntukan yang besar, jelas menunjukkan tanggungjawab kementerian menjadi semakin berat dan mencabar.

“Ini semua memerlukan

kerjasama semua pihak untuk bersama membangun dan memperkasakan sektor perladangan dan komoditi ke tahap yang lebih tinggi dan seterusnya menjadi nadi kepada pertumbuhan ekonomi negara,” ujar beliau.

Beliau berharap kementerian, agensi dan majlis di bawah MPIC bersiap sedia dengan mekanisme pelaksanaan projek dan program bagi memastikan setiap perbelanjaan diurus dengan baik dan berhemah sekali gus memastikan hasil (outcome) dapat dicapai.

“Dengan perancangan yang baik dan pelaksanaan jitu, saya percaya rakyat atau kumpulan sasar akan dapat menikmati pembangunan dan seterusnya dapat meningkatkan indeks keyakinan rakyat kepada kerajaan,” katanya.

Beliau berkata, sektor komoditi berperanan penting terutama dari aspek penjanaan pendapatan eksport kepada negara.

Justeru, beliau mengingatkan warga MPIC sentiasa peka dengan perubahan ekonomi dunia dan proaktif dalam merangka strategi bagi memastikan industri komoditi Malaysia terus berdaya saing di pasaran antarabangsa.

## Struktur baharu cukai eksport minyak sawit mentah

◉ **Dari muka 1**

Sehingga kini kerajaan memperkenalkan struktur baru cukai eksport MSM bermula pada 1 Januari 2013; dan melaksanakan Program B7 mulai November 2014 di Semenanjung dan Disember 2014 untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam usaha membantu industri sawit negara.

Di bawah Program B7, di mana biodiesel sawit diadun bersama diesel petroleum pada kadar 7 peratus untuk kegunaan komersial, dijangkakan 576,000 tan MSM akan digunakan. Ini akan meningkatkan

penggunaan MSM tempatan dan seterusnya mengurangkan stok serta memantapkan harga komoditi itu.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, peningkatan stok sawit, terutama pada suku terakhir 2014, akan terus memberi tekanan kepada harga minyak sawit.

Faktor lain yang memberi sentimen negatif kepada harga pasaran minyak sawit termasuk pengembangan berterusan negara pengeluar minyak sawit dan hasil tuaian baik pengeluar minyak saingan.

“Semua cabaran ini perlu di hadapi pada tahun 2015,” kata Datuk Amar Douglas Uggah

Embas.

Beliau juga berkata tahun 2015 adalah tahun penting untuk industri sawit Malaysia berikutan pelaksanaan skim Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

Skim MSPO adalah satu penyelesaian kepada isu keselamatan minyak sawit dan juga akan menjadi satu bentuk penjenamaan untuk minyak sawit Malaysia.

“Kita yakin MSPO akan dapat menggambarkan minyak sawit Malaysia dalam satu imej yang sangat positif serta memantapkan lagi capaian pasaran di negara pengimport yang memerlukan pensijilan,” katanya.

# 4 syarikat, 2 pekebun kecil terima Sijil MSPO

» **Piawaian MSPO penyelesaian kepada isu kemampuan minyak sawit**

Oleh **Fadzil Ghazali**  
afadzilg@mpob.gov.my

■ **Kuala Lumpur**

**E**mpat syarikat dan dua pekebun kecil berjaya menepati keperluan kemampuan seperti termaktub dalam Piawaian Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

Syarikat yang berjaya adalah Sarawak Oil Palms Berhad; Genting Plantations Berhad; Asia Oil Palm Sdn Bhd dan Tradewinds Plantation Berhad. Sementara itu dua pekebun kecil daripada Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) turut menepati keperluan

kemampuan MSPO.

Sarawak Oil Palms Berhad berjaya mendapat pensijilan untuk estet (Sungai Balim Estate) dan kilang (Galasah Palm Oil Mill). Genting Plantations Berhad untuk estetnya (Genting Sabapalm Estate) dan kilang (Genting Sabapalm Oil Mill); Asia Oil Palm Sdn Berhad untuk estet (Asia Oil Palm Estate 20 dan kilang (Asia Palm Oil Mill); dan Tradewinds Plantation Berhad untuk estetnya (Ulu Sebol B Estate) dan kilangnya (Ulu Sebol Palm Oil Mill).

SPOC Kuala Langat dan SPOC Hilir Perak mendapat pensijilan MSPO untuk kategori pekebun kecil.

Sijil disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh selepas perasmian Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2015 di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis itu adalah Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, dan Ketua



**Penerima sijil MSPO** bergambar bersama Datuk Himmat Singh, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr Choo Yuen May.

Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Di dalam teks ucapan perasmian Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2015, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, MSPO adalah satu penyelesaian kepada isu kemampuan minyak sawit dan akan menjadi satu bentuk penjenamaan untuk minyak sawit Malaysia.

**Imej positif**

"Kita yakin MSPO akan dapat menggambarkan minyak sawit Malaysia dalam satu imej yang sangat positif serta memantapkan lagi capaian pasaran di negara pengimport yang memerlukan pensijilan," katanya.

Ucapan beliau disampaikan oleh Datuk Himmat Singh.

Kerajaan meluluskan pelaksanaan sistem pensijilan MSPO pada 21 Mac 2014. Penubuhan MSPO

adalah berikutan keperluan industri kepada sistem pensijilan kemampuan adil untuk meningkatkan lagi akses pasaran.

Pensijilan MSPO adalah satu pilihan lain di samping skim sedia ada termasuk International Sustainability and Carbon Certification (ISCC); Roundtable on Sustainable Biomaterials (RSB); Indonesian Sustainable Palm Oil (ISPO); dan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO).

## Loji biodiesel sawit guna teknologi MPOB di Sarawak dilancar



Datuk Amar Douglas Uggah Embas (tiga dari kiri) memotong riben sebagai simbolik **perasmian loji pemprosesan biodiesel sawit** milik SOP Green Energy Sdn Bhd. Turut serta Datuk Himmat Singh, Datuk Dr. Choo Yuen May, Tan Sri Datuk Ling Chiong Ho, Paul Wong Hee Kwong dan Eric Kiu Kwong Seng.

Oleh **Nursyairah Jalil**  
nursyairah@mpob.gov.my

**Bintulu:** Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyempurnakan pelancaran loji pemprosesan biodiesel yang menggunakan teknologi yang dipatenkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini, baru-baru ini.

Loji pemprosesan biodiesel itu akan melancarkan proses pembekalan dan pelaksanaan program biodiesel di Sarawak.

Pelancaran loji biodiesel sawit itu

disempurnakan di SOP Green Energy Sdn Bhd (SOP) sejurus selepas majlis pelancaran penggunaan biodiesel sawit di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh; Pengerusi SOP, Tan Sri Datuk Ling Chiong Ho; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May; Ketua Pegawai Eksekutif SOP, Paul Wong Hee Kwong; dan Ketua Pegawai Operasi SOP, Eric Kiu Kwong Seng.

SOP Green Energy Sdn Bhd adalah satu-satunya pengeluar biodiesel sawit di Sarawak.

**Bekal biodiesel sawit**

Dengan kapasiti pengoperasian sebanyak 100,000 tan setahun, loji berkenaan berupaya membekalkan biodiesel sawit ke seluruh Sarawak dengan anggaran penggunaan bagi program B7 (adunan 7% biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum) sebanyak 72,000 tan biodiesel sawit setahun.

Ini membabitkan penghantaran biodiesel ke depoh petroleum di Kuching, Tanjung Manis, Miri (2 depoh) dan Bintulu untuk diadun secara in-line di kelima-lima depoh berkenaan sawit bagi pembekalan B7 untuk sektor pengangkutan dan perikanan membabitkan 175 buah stesen minyak, pengguna fleet dan tangki skid syarikat pengangkutan.

Merungkai sejarah penyelidikan biodiesel berasaskan sawit di Malaysia, penyelidikan oleh MPOB bermula sejak awal 1980 dan seterusnya pada tahun 1985, loji rintis biodiesel sawit pertama di Malaysia telah dibina di MPOB, yang dahulunya dikenali sebagai PORIM.

Teknologi pengeluaran biodiesel sawit watan yang dibangunkan oleh MPOB dengan pembabitkan Petronas telah berjaya dikomersialkan.

Kini terdapat tujuh buah loji biodiesel sawit bergred normal termasuk setiap satu loji di Korea Selatan dan Thailand dengan kapasiti 60,000 tan setahun telah didirikan dengan menggunakan teknologi MPOB.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas **pada sesi dialog dengan ahli Persatuan Penanam Sawit Dayak**, di Bintulu.

## Dialog Menteri, DOPPA bincang masalah pekebun kecil sawit

Oleh **Sulim Lumong**  
sulim@mpob.gov.my

**Bintulu:** Persatuan Penanam Sawit Dayak (Dayak Oil Palm Planters Association - DOPPA) menganjurkan majlis dialog yang bertujuan memberi ruang kepada ahlinya menyuarakan serta membincangkan masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil di Sarawak dengan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk Amar Douglas Uggah Embas, di sini, baru-baru ini.

100 ahli DOPPA yang diketuai Presidennya, Hollis Awell hadir pada sesi dialog itu. Turut hadir Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Himmat Singh dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Ketika berucap merasmikan dialog itu, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, kerajaan amat prihatin terhadap masalah yang

dihadapi pekebun kecil sawit.

"Selain meneruskan skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), kerajaan turut memberi bantuan baja kepada pekebun kecil yang menanam sawit secara persendirian. Pekebun layak menerima bantuan jika usia pokok sawit adalah tiga tahun ke bawah.

Beliau juga menjelaskan, harga buah tandan segar (BTS) dipengaruhi oleh harga minyak sawit mentah di pasaran minyak dan lemak dunia.

"Harga BTS yang ditawarkan oleh kilang memproses buah juga dipengaruhi oleh kos pemprosesan, kos jualan/edaran serta kos pengangkutan.

Sementara itu, Hollis Awell dalam ucapan aluannya berkata, matlamat utama penubuhan DOPPA adalah sebagai landasan untuk ahli berkongsi pengetahuan dan pengalaman bagi menyelesaikan masalah berkaitan penanaman sawit.

# Warga agensi MPIC terima bantuan banjir

» Sumbangan dana untuk beli keperluan asas, bukti keprihatinan

Oleh Noor Asmawati  
Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Sejumlah 118 warga pelbagai agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang terjejas akibat banjir yang melanda Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Kedah, Perlis, Johor, Sarawak dan Sabah menerima bantuan sumbangan agensi dan majlis di bawah MPIC.

Antara langkah yang diambil bagi membantu mangsa termasuk sumbangan dana dari agensi dan majlis di bawah MPIC untuk membeli barangan makanan dan kelengkapan sekolah, sumbangan wang tunai dan barangan keperluan asas dan galakan kepada industri komoditi untuk memberi sumbangan seba-

gai salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR).

## Prihatin nasib mangsa banjir

MPIC serta agensi dan majlis yang prihatin terhadap kesukaran yang dialami mangsa terjejas banjir menggerakkan operasi bantuan banjir melalui penubuhan Pasukan Sukarelawan Bantuan Banjir MPIC.

Melalui Pasukan Sukarelawan Bantuan Banjir MPIC, beberapa program bantuan banjir dan aktiviti pembersihan pasca banjir dilaksanakan di beberapa kawasan terbabit.

Antara kawasan yang terbabit dengan pelaksanaan program berkenaan ialah Temerloh, Kuala Krau dan Maran di Pahang; Kuala Kangsar, Perak; Kuala Krai, Tanah Merah dan Machang di Kelantan dan Kota Samarahan di Sarawak.

Terdahulu, Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas ketika berucap sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Bil 1/2015 berkata, bencana itu mengakibatkan kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda serta tanaman komoditi yang diusahakan pekebun kecil sektor komoditi.



Kakitangan MPOB yang terbabit banjir di Sarawak menerima sumbangan daripada Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

“Dengan bantuan banjir dan sumbangan yang diberi, diharapkan semua mangsa banjir dapat melalui trauma yang dihadapi,” katanya yang berharap bantuan yang dihulur dapat membolehkan mangsa meneruskan kehidupan

seperti biasa.

Pecahan warga agensi yang menerima bantuan banjir ialah 47 orang anggota Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), 35 anggota Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), 19

anggota Lembaga Koko Malaysia (LKM), 10 anggota Lembaga Getah Malaysia (LGM), enam anggota Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan seorang anggota Lembaga Lada Malaysia (MPB).

## Rancang strategi R&D bagi manfaat industri sawit

Oleh Syed Mohd Hazry  
Syed Hamid  
mohd.hazry@mpob.gov.my

**Seremban:** Peranan dan usaha yang dijalankan oleh MPOB dalam melengkapkan nilai rantaian industri sawit melalui penyelidikan, pembangunan, aktiviti penguatkuasaan dan pengurusan adalah penting dalam pencapaian visi dan matlamat MPOB bagi membangun dan memaju industri sawit.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad berkata demikian semasa me-

rasmikan MPOB Senior Management Retreat 2015. Program yang berlangsung selama empat hari membabitkan 55 pegawai kanan MPOB bagi merancang pelan aktiviti bagi tahun 2015 dan menilai pencapaian pada tahun sebelumnya.

## Penyelidikan dan inovasi baru

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar berkata, MPOB diberi kepercayaan oleh Kerajaan dan industri bagi menghasilkan penyelidikan dan inovasi baru yang berguna dan bernilai tinggi.

Beliau berkata, MPOB perlu merancang dan melaksanakan penyelidikan yang strategik supaya tek-

nologi dan inovasi dapat memberi manfaat dan impak yang berkesan kepada industri termasuk pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit.

Katanya, MPOB perlu bekerjasama dan mengadakan kolaborasi penyelidikan dengan industri atau universiti tempatan dan luar negara sebagai usaha bersepadu untuk menghasilkan penyelidikan yang bertepatan dengan kehendak industri.

“Peningkatan perkhidmatan MPOB adalah penting bagi merealisasikan transformasi industri sawit melalui pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)

bagi meningkatkan penjaan ekonomi melalui industri sawit, sekali gus memacu aspirasi dan wawasan negara ke arah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020,” katanya.

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il berkata, dalam konteks penyelidikan MPOB perlu memberi tumpuan penting terhadap penghasilan teknologi dan inovasi yang boleh dikomersialkan oleh industri sawit. Usaha-usaha pengkomersilan inovasi akan membolehkan produk dan perkhidmatan baru dapat menyumbang kepada kemampuan industri sawit dan kemakmuran ekonomi negara.

## MPOB Senior Management Retreat

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama Timbalan Ketua Pengarah (R&D), Pengarah Bahagian dan Pegawai Kanan MPOB yang turut serta dalam MPOB Senior Management Retreat di Bandar Baru Bangi, Selangor, baru-baru ini.



# Industri sawit meningkat

» Peningkatan permintaan, penggunaan dijangka lonjak prestasi komoditi

Oleh Azman Ismail  
azman@mpob.gov.my

Industri sawit Malaysia dijangka mempamerkan prestasi yang lebih baik tahun ini berbanding tahun sebelumnya ekoran peningkatan dalam permintaan dan penggunaan komoditi itu.

Kejatuhan nilai ringgit akan mendorong kepada peningkatan permintaan minyak sawit mentah (MSM) dan seterusnya memberikan impak positif kepada eks-

port lebih tinggi bagi komoditi itu.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May, berkata selain faktor kejatuhan nilai ringgit, faktor harga MSM yang lebih kompetitif dan jangkaan berlaku pertumbuhan ekonomi yang lebih baik di kalangan negara-negara pengimport MSM akan menyebabkan permintaan eksport komoditi itu lebih stabil pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya.

“Secara keseluruhannya, prestasi industri Malaysia pada tahun 2015 dijangka akan lebih baik berbanding tahun sebelumnya” kata beliau semasa membentangkan kertas kerja di Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2015 yang berlangsung di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Seramai 360 orang yang terdiri daripada wakil-wakil industri sa-



“Pelbagai langkah telah dan sedang diambil bagi memperkasakan lagi industri sawit negara”

Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia

wit tempatan, sektor perbankan serta pegawai kanan kerajaan menghadiri seminar tersebut yang dianjurkan setiap awal tahun oleh MPOB.

### Harga lebih stabil

Datuk Dr Choo berkata, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) serta MPOB akan sentiasa mengawasi per-

kembangan industri dan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam usaha menstabilkan harga komoditi utama dan seterusnya meningkatkan daya saing industri berkenaan.

“Pelbagai langkah telah dan sedang diambil bagi memperkasakan lagi industri sawit negara antaranya menggalakkan aktiviti penanaman semula; memantap-

kan pasaran sedia ada sambil meneroka pasaran baru; menggalakkan pengeluaran produk baru berasaskan minyak sawit; dan melaksanakan program biodiesel B5 kepada B7 di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

“Selain itu, pihak kerajaan juga telah mengambil langkah mengecualikan duti eksport MSM dari September 2014 kepada Disember 2014 dan dilanjutkan kepada Februari 2015 bagi mengurangkan stok MSM yang telah mencecah 2.01 juta tan pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 1.3% berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, dari segi pengeluaran MSM, industri sawit Malaysia dijangka mengeluarkan 20.09 juta tan MSM tahun ini berbanding 19.67 juta tan MSM pada tahun 2014.

Menurut Datuk Dr. Choo, peningkatan ini berikutan pemuliharaan di dalam penghasilan buah tandan segar (FFB) dan peningkatan dalam kawasan matang tanaman sawit terutamanya di Sarawak.

Bagi membantu meningkatkan akses pasaran untuk minyak sawit di negara pengimport yang memerlukan pensijilan lestari, Malaysia memperkenalkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).



Datuk Dr Choo Yuen May ketika menyampaikan taklimat kepada Ahli Lembaga PORAM yang mengadakan kunjungan ke Ibu Pejabat MPOB.

## Ahli Lembaga PORAM kunjungi MPOB

Oleh Izzati Ismail  
izzati@mpob.gov.my

**Bangi:** Ahli Lembaga ‘Palm Oil Refiners Association of Malaysia’ (PORAM) yang disertai Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Jaaffar Ahmad dan pengu- rasan mengadakan kunjungan ke MPOB bagi mengadakan per-

serta Unit Pelestarian, Pemuliharaan dan Pensijilan.

### Kukuh hubungan

Datuk Dr Choo Yuen May menyifatkan lawatan Ahli Lembaga PORAM boleh mengukuhkan hubungan MPOB dengan pihak industri bagi meningkatkan kemajuan industri sawit negara.

Dalam pertemuan berkenaan, ke dua pihak bertukar pandangan mengenai perkembangan industri sawit termasuk cadangan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), penetapan struktur cukai minyak sawit mentah dan perkembangan pasaran minyak sawit Malaysia.

## MPOB lawat depoh PST Bintulu



Delegasi MPOB yang diketuai Datuk Dr Choo Yuen May bergambar ketika melakukan lawatan kerja ke depoh PST Bintulu.

Oleh Nursyairah Jalil  
nursyairah@mpob.gov.my

**Bintulu:** Delegasi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang diketuai Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Choo Yuen May mengadakan lawatan ke depoh petroleum usahasama Petronas Dagangan Berhad dan Shell Timur Sdn Bhd (PST) di sini, baru-baru ini.

Delegasi diberi taklimat ringkas mengenai keselamatan seterusnya meninjau kemajuan pembinaan kemudahan pengadunan biodiesel kekal di depoh petroleum berkenaan.

Dua tangki simpanan biodiesel sawit berkapasiti 800 meter padu yang dalam pembinaan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2014.

Demi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan program biodiesel sawit di Sarawak pada Januari 2015, kemudahan pengadunan biodiesel sementara telah siap didirikan dan mula beroperasi bagi penghantaran B7 iaitu adunan 7% biodiesel sawit dengan

93% petroleum diesel pada akhir bulan Disember 2014.

Sistem sementara melalui adunan secara ‘splash’ berupaya merangkumi 50% liputan penghantaran Petronas dan Shell sekitar Bintulu.

Konsep adunan secara ‘splash’ ini turut diguna pakai pada awal pelaksanaan penggunaan biodiesel sawit pada tahun 2009 melibatkan 3,900 kenderaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

### Peruntuk RM340 juta

B7 akan dibekalkan melalui sistem pengadunan secara ‘in-line’ bagi keseluruhan liputan pembekalan depoh berkenaan setelah sistem pengadunan kekal siap sepenuhnya.

Bagi memastikan pelaksanaan program biodiesel berjalan lancar, Kerajaan melalui MPOB memperuntukkan RM340 juta daripada Dana Penstabilan Harga Minyak Sawit bagi pembinaan kemudahan pengadunan biodiesel di 35 petroleum depoh seluruh Malaysia.

# Cukai GST bagi sektor industri sawit di Malaysia

» Tiga mekanisme kategori pembahagian kadar cukai sektor sawit

Oleh Ayatollah Ab Rahman  
ayat@mpob.gov.my

Mekanisma Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di Malaysia boleh dikategorikan kepada tiga (3) jenis iaitu Pembekalan Berkadar Standard (GST 6%), Berkadar Sifar (GST 0%) dan

dikecualikan GST.

Bagi Pembekalan Berkadar Standard dan Sifar pengeluaran yang berdaftar di bawah GST boleh menuntut kembali GST yang telah dibayar ke atas input yang digunakan dalam proses pengeluaran.

## Pendaftaran mandatori

Pendaftaran GST adalah mandatori bagi perniagaan yang mencatatkan nilai perolehan melebihi nilai ambang yang ditetapkan iaitu >RM500,000.

Bagi perniagaan yang mencatatkan nilai perolehan kurang daripada nilai ambang boleh memohon untuk mendaftar GST secara sukarela dan ianya tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

Terdapat 21 sektor dalam industri sawit di Malaysia dengan bilangan pengeluaran dianggarkan seramai 11,528. Sebaliknya, dianggarkan terdapat lebih 400,000 ribu pekebun kecil sawit.

Mekanisma GST bagi sektor perniagaan dalam industri sawit di Malaysia diklasifikasikan sebagai pembekalan bercukai iaitu berkadar standard (GST 6%), berkadar sifar (GST 0%) dan dikecualikan cukai GST.

Sebaliknya, pekebun kecil sawit dikategorikan di bawah Skim Khas iaitu Skim Kadar Rata dan perlu memohon untuk mendapat kelulusan daripada KDRM (Jadual 1-3).

Skim kadar rata adalah satu kemudahan untuk pekebun kecil sawit yang tidak layak

## Mekanisma GST bagi Sektor Hujung Industri Sawit

### Sektor Jenis Pembekalan

- 1. Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit Berkadar Standard (GST 6%) apabila menjual di pasaran tempatan.
- Berkadar Sifar (GST 0%) apabila mengeksport.
- 2. Penghasil Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Sawit
- Berkadar Standard (GST 6%).
- 3. Tapak Semaian Kelapa Sawit
- Berkadar Standard (GST 6%).
- 4. Pekebun Kecil Kelapa Sawit
- Skim kadar rata (2%) – bagi pekebun yang merekodkan nilai perolehan <RM500,000 setahun.
- Berkadar Standard (GST 6%) – bagi yang merekodkan jumlah perolehan >RM500,000 setahun.
- 5. Peniaga Buah Kelapa Sawit
- Berkadar Standard (GST 6%).
- 6. Estet Kelapa Sawit
- Berkadar Standard (GST 6%).

berdaftar (nilai perolehan < RM500,000) di bawah GST untuk mendapat kembali sebahagian GST yang ditanggungnya ke atas pembelian input mereka dengan menge-

nakan Kadar Rata Tambahan (2%) apabila menjual buah sawit kepada pembeli (peniaga atau pengilang buah sawit) yang berdaftar GST.

### Pengeluaran berdaftar

Apabila sesuatu sektor itu dikategorikan sebagai berkadar standard (GST 6%) dan pengeluarannya telah berdaftar di bawah GST, maka setiap produk yang dijual hendaklah dikenakan caj tambahan 6% ke atas harga jualan. Sekiranya, GST yang dipungut (cukai output) melebihi GST yang dibayar (cukai input) maka lebihan GST tersebut hendaklah dipulangkan kepada Jabatan Kastam di Raja Malaysia.

Sebaliknya, apabila cukai output yang dikutip adalah kurang berbanding cukai input yang dibayar maka tuntutan bayaran boleh dibuat ke Jabatan Kastam di Raja Malaysia melalui penghantaran penyata GST-03.

### Sektor berdaya saing

Sektor dalam industri sawit di Malaysia dijangka akan terus berdaya saing apabila GST dilaksanakan bermula 1 April 2015.

Melalui GST pengeluaran yang berdaftar di bawah GST boleh menuntut kembali cukai input yang ditanggung dalam proses pengeluaran produknya.

Pasaran produk sawit Malaysia lebih berorientasikan eksport (melebihi 80%) dan kadar GST bagi produk yang dieksport adalah sifar (GST 0%).

Selain itu, kadar GST di Malaysia adalah yang terendah (6%) di dunia berbanding negara-negara pengeluar minyak sawit yang lain (Indonesia dan Thailand masing-masing kadar GST nya pada 10%).

Pelaksanaan GST dijangka dapat memacu industri sawit Malaysia ke tahap yang lebih baik di samping menyumbang kepada pendapatan negara. Ini bersesuaian dengan tema GST itu sendiri iaitu 'Membangun dan Maju Bersama'.

## Mekanisma GST bagi Sektor Pemprosesan Industri Sawit di Malaysia

### Sektor Jenis Pembekalan

- 1. Kilang Kelapa Sawit
- Berkadar Standard (GST 6%) apabila menjual di pasaran tempatan.
- Berkadar Sifar (GST 0%) apabila mengeksport.
- 2. Kilang Pelumat Isirung Kelapa Sawit
- 3. Kilang Penapis Minyak Sawit
- 4. Kilang Oleokimia
- 5. Kilang Biodiesel

## Profail pemenang Anugerah Industri Sawit Malaysia 2014 Kategori Kilang kelapa sawit



Kilang Kelapa Sawit Sungai Jernih (Bousted Plantations Berhad)

- Memproses buah tandan segar (BTS) dari bahan tanaman klon baru (RAMETS) hasil tisu kultur yang berkualiti.
- Menerima dan memproses BTS yang masak di antara 85% - 90%, dan buah relai di antara 8% - 10%.
- Penggredan buah dilaksanakan 100% dan buah tandan muda dikembalikan kepada pihak ladang.
- Menjalinkan kerjasama baik dengan pihak ladang bagi memastikan BTS dan buah relai dihantar dalam tempoh 24 jam serta bagi meningkatkan kadar perahan minyak di kilang.
- Menubuhkan jawatankuasa "Mill Co-ordinated Committee Meeting" bagi membincangkan isu berkaitan kualiti BTS.
- Pemberian bonus kadar perahan minyak (OER) kepada pembekal yang membekalkan BTS yang berkualiti sekiranya kilang memperoleh OER yang lebih tinggi.
- Mempraktikkan Kod Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi memastikan operasi kilang berjalan lancar dengan tahap kehilangan minyak yang minima (<1.4%).
- Mematuhi Peraturan MPOB, Jabatan Alam Sekitar dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.
- Persekitaran dalam kilang adalah bersih.
- Menyediakan kemudahan asas seperti rumah, bekalan elektrik, air pusat penjagaan kanak-kanak dan perubatan disediakan secara percuma kepada pekerja.
- Memiliki Persijilan RSPO.
- Penerima Sijil Penghargaan Pengurusan Effluen dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang pada tahun 2012.



Genting Indah Oil Mill (Genting SDC Sdn Bhd)

- Memproses buah tandan segar (BTS) dari jenis tanaman yang berkualiti.
- Menerima dan memproses BTS yang masak di antara 90% - 95% dan buah relai melebihi 8%.
- Mengamalkan Sistem Penggredan BTS seperti yang disarankan oleh MPOB.
- Buah tandan muda yang dihantar oleh pembekal luar akan dikembalikan.
- Bayaran kepada pembekal BTS adalah berdasarkan pada "Graded OER".
- Menjalinkan kerjasama yang baik di antara kilang dan pembekal bagi memastikan bekalan BTS berkualiti.
- Mempraktikkan Kod Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi memastikan operasi kilang berjalan lancar dengan tahap kehilangan minyak yang minima (<1.6%).
- Mematuhi Peraturan MPOB, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.
- Menyediakan kemudahan asas seperti rumah, bekalan elektrik, air dan perubatan secara percuma kepada pekerja.
- Memiliki Sijil Keselamatan dari SIRIM dan Code of Good Milling Practice dari MPOB.
- Menitikberatkan aspek kebersihan dalam kilang.



Kilang Kelapa Sawit Raub (Raub Mining Development Sdn Bhd)

- Memproses buah tandan segar (BTS) dari jenis tanaman yang berkualiti.
- Analisis OB yang dibuat merekodkan kandungan minyak di antara 23% - 25%.
- Menerima Pegawai NKEA MPOB untuk membantu meningkatkan kadar perahan minyak (OER).
- Mengamalkan Sistem Penggredan buah tandan segar seperti yang disarankan oleh MPOB.
- Buah tandan muda, tandan kosong dan tandan busuk dikembalikan kepada pembekal sekiranya jumlah yang diterima sedikit. Namun sekiranya banyak, lori akan ditahan dan pembekalnya dipanggil ke kilang untuk diberi nasihat dan amaran.
- Mempraktikkan Kod Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi memastikan operasi kilang berjalan lancar dengan tahap kehilangan minyak yang minima (<1.8%).
- Mematuhi Peraturan-peraturan MPOB, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.
- Menyediakan kemudahan asas seperti rumah, bekalan elektrik, air, perubatan dan insuran secara percuma kepada pekerja, di samping elauan motosikal.
- Menjalinkan kerjasama yang erat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pihak hospital.



Kim Loong Sabah Mills Sdn Bhd (Kim Loong Resources Berhad)

- Memproses buah tandan segar (BTS) dari klon baru yang berkualiti dan penerimaan buah relai adalah antara 8% - 10%.
- Mengamalkan Sistem Penggredan buah tandan segar MPOB. Setiap lori buah tandan segar yang diterima akan digred dengan sampel sebanyak 50 atau 100 tandan, bergantung kepada berat bersih muatan. Buah tandan muda dikembalikan.
- Menjalinkan hubungan yang baik dengan pembekal.
- Mempraktikkan Kod Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi memastikan kilang berjalan lancar dengan tahap kehilangan minyak yang minima (<1.8%).
- Mematuhi Peraturan-peraturan MPOB, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.
- Kemudahan rumah dan pengangkutan bas sekolah diberi secara percuma manakala bekalan elektrik, air dan perubatan diberikan secara kuota.
- Menghasilkan biogas bagi penjaan tenaga untuk kegunaan kilang.
- Mempunyai Jawatankuasa Keselamatan yang diterajui oleh kakitangan yang mempunyai sijil dari NIOSH.
- Menjalinkan kerjasama yang erat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pihak hospital.

The Premier Oil Palm Event is back!

The Malaysian Palm Oil Board is organising >>



6 - 8 October 2015  
Kuala Lumpur Convention Centre,  
Kuala Lumpur, Malaysia

For more information, please contact: [pipoc2015@mpob.gov.my](mailto:pipoc2015@mpob.gov.my) or visit MPOB website at [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



# Permintaan minyak sayuran seimbang

» **Pengeluaran lemak dunia meningkat lima peratus**

Oleh **N. Balu dan Nazlin Ismail**  
balu@mpob.gov.my dan nazlin@mpob.gov.my

Situasi minyak sayuran dunia pada tahun 2014 berada dalam keadaan yang seimbang dengan pengeluaran minyak sayuran dan lemak telah meningkat sebanyak 5 peratus manakala penggunaan meningkat 4.2 peratus. Keadaan ini menyebabkan harga minyak sayuran dan lemak di pasaran global berada pada tahap yang rendah.

Pada tahun 2014, pengeluaran minyak sayuran dan lemak dunia meningkat 5.0 peratus kepada 199.9 juta tan disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran minyak sayuran utama dunia iaitu minyak sawit, minyak kacang

soya, minyak bunga matahari dan minyak biji sesawi.

Minyak sawit adalah minyak sayuran utama yang dikeluarkan pada tahun 2014, mewakili 29.6 peratus dari jumlah pengeluaran minyak sayuran dan lemak global, diikuti oleh minyak kacang soya 22.6 peratus, minyak biji sesawi 13.5 peratus, minyak bunga matahari 8.1 peratus dan minyak sayuran dan lemak lain 26.1 peratus.

## Pengeluar utama

Indonesia dan Malaysia adalah pengeluar utama minyak sawit dunia, menyumbang 85 peratus dari jumlah pengeluaran minyak sawit dunia pada tahun 2014. Indonesia mengeluarkan sebanyak 30.8 juta tan minyak sawit pada tahun 2014 (atau 51.9 peratus dari jumlah pengeluaran minyak sawit dunia), diikuti oleh Malaysia 19.7 juta tan (33.1 peratus).

Untuk minyak kacang soya, Amerika Syarikat, Brazil dan Argentina menyumbang 50 peratus dari jumlah pengeluaran minyak kacang soya global.

Amerika Syarikat adalah nega-

ra pengeluar utama minyak kacang soya dengan jumlah pengeluaran sebanyak 9.1 juta tan pada tahun 2014. Jumlah pengeluaran minyak kacang soya di Brazil dan Argentina adalah 7.4 juta tan dan 7.1 juta tan masing-masing pada tahun 2014.

Seiring dengan pengeluaran yang meningkat, eksport minyak sayuran dan lemak dunia juga meningkat 1.3 peratus kepada 76.7 juta tan berikutan permintaan yang tinggi untuk minyak sawit dan minyak kacang soya.

Pada tahun 2014, minyak sawit adalah minyak sayuran utama yang diekspor mencakupi 56.9 peratus (atau 43.6 juta tan) dari jumlah eksport minyak sayuran dan lemak dunia, diikuti oleh minyak kacang soya 12.7 peratus (9.8 juta tan), minyak bunga matahari 10.7 peratus (8.1 juta tan).

**Meningkat 4.2 peratus**  
Penggunaan minyak sayuran dan lemak dunia pula meningkat 4.2 peratus kepada 199.9 juta tan disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan minyak sayuran untuk sektor makanan dan bukan makanan.

Untuk sektor bukan makanan, penggunaan minyak sayuran meningkat untuk pengeluaran bio-

Argentina adalah 7.4 juta tan dan 7.1 juta tan masing-masing pada tahun 2014.

Seiring dengan pengeluaran yang meningkat, eksport minyak sayuran dan lemak dunia juga meningkat 1.3 peratus kepada 76.7 juta tan berikutan permintaan yang tinggi untuk minyak sawit dan minyak kacang soya.

Pada tahun 2014, minyak sawit adalah minyak sayuran utama yang diekspor mencakupi 56.9 peratus (atau 43.6 juta tan) dari jumlah eksport minyak sayuran dan lemak dunia, diikuti oleh minyak kacang soya 12.7 peratus (9.8 juta tan), minyak bunga matahari 10.7 peratus (8.1 juta tan).

## Meningkat 4.2 peratus

Penggunaan minyak sayuran dan lemak dunia pula meningkat 4.2 peratus kepada 199.9 juta tan disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan minyak sayuran untuk sektor makanan dan bukan makanan.

Untuk sektor bukan makanan, penggunaan minyak sayuran meningkat untuk pengeluaran bio-

diesel bagi memenuhi mandat ditetapkan kerajaan.

Republik Rakyat China adalah negara pengguna utama minyak sayuran dan lemak dunia, mencakupi 18.1 peratus dari jumlah penggunaan minyak sayuran dan lemak dunia, diikuti oleh Kesatuan Eropah 16.0 peratus, India 10.3 peratus, Amerika Syarikat 9.5 peratus dan Indonesia 5.4 peratus.

Pada tahun 2015, pengeluaran minyak sayuran dan lemak global dijangka meningkat 2 peratus kepada 204.1 juta tan berikutan jangkakan pengeluaran minyak sawit dan minyak kacang soya yang tinggi, pada kadar 4.2 peratus kepada 61.8 juta tan dan 6.5 peratus kepada 48.1 juta tan masing-masing.

Manakala eksport dan penggunaan minyak sayuran dan lemak juga dijangka akan meningkat pada 1.2 peratus dan 2.6 peratus kepada 77.6 juta tan dan 205.2 juta tan masing-masing, berikutan jangkakan jumlah bekalan minyak sayuran yang tinggi dan meningkatnya penggunaan minyak sayuran dalam sektor makanan dan bukan makanan.

## PENGUMUMAN KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML)



### KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML)

- Kursus ini diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk Kursus Operasi Mekanisasi Ladang Sawit Tahap 2, 3 dan 4
- Bertujuan untuk melahirkan penerusi baru yang berkemahiran tinggi dalam bidang mekanisasi ladang selaras dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan modal insan negara

### OBJEKTIF

- Memberi pendedahan kepada pelatih dari segi teori serta penekanan yang lebih kepada aspek praktikal berkenaan mekanisasi di ladang sawit
- Bermatlamat untuk melahirkan warga kerja yang cekap dan terlatih

### SYARAT KEMASUKAN

- Warganegara Malaysia
- Berumur 17 hingga 55 tahun
- Tamat SPM/SPM(V) atau yang setaraf dengannya atau mempunyai dua tahun pengalaman bekerja di sektor perladangan/penjenteraan

### MAKLUMAT LANJUT DAN PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:

MOHD SOLIAH DERAMAN soliah@mpob.gov.my  
SITI BALQIS JAAFAR balqis@mpob.gov.my  
Tel: 09-4514400 samb. 4402/4401 Faks: 09-4514405  
RUBAAB MASRI rubaah@mpob.gov.my  
Tel: 03-89267046 Faks: 03-89257549



MPOB

### YURAN

- RM3500. Kemudahan bantuan kewangan boleh diuruskan bagi mereka yang layak

### LOKASI

KM 137, Labuh Raya Segamat, Kuantan  
Peti Surat No.24, Pejabat Pos Bandar Tun Razak,  
26900 Bandar Muadzam Shah, Pahang

### CARA MEMOHON

- Pemohonan hendaklah menggunakan borang yang dilampirkan atau borang yang dimuat turun dari laman web MPOB (www.mpob.gov.my)
- Sertakan bersama satu salinan kad pengenalan pemohon, salinan sijil SPM/SPM(V) atau yang setaraf yang telah disahkan atau surat pengesahan mojiikan bagi mereka yang berkenaan



Antara peserta yang menghadiri MTecS.

## Anggota MPOB didedah aspek teknikal sawit

Oleh **Rafizah Mazlan**  
rafizah@mpob.gov.my

**Bangi:** Dalam usaha untuk mengekalkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan sawit dunia, pengukuhan sumber manusia sangat penting dan menjadi pemangkin utama terhadap pelaksanaan setiap dasar yang membawa kepada kecapan menyeluruh dalam agensi.

Selaras dengan hasrat itu, MPOB buat julung kalinya menganjurkan Seminar Teknikal MPOB (MTecS) yang bertemakan 'Pengenalan

kepada Minyak Sawit dan Aplikasinya' di Ibu Pejabat, baru-baru ini.

Tujuan penganjuran MTecS ini adalah bagi mendedahkan kepada warga MPOB yang baharu mengenai fungsi MPOB sebagai agensi yang berperanan membangun dan memajukan industri sawit negara serta penyelidikan saintifik dan teknologi terkini yang dilakukan berkenaan minyak sawit.

Penganjuran seminar ini memanfaatkan lebih 130 peserta yang terdiri daripada pegawai teknikal dan bukan teknikal MPOB yang baru, kakitangan sokongan dan pelajar latihan industri.

Topik yang dibentangkan

merangkumi pengenalan kepada MPOB dan industri sawit di Malaysia, penanaman pokok sawit, proses penghasilan minyak sawit, faedah nutrisi minyak sawit dan aplikasi dalam industri pembuatan makanan berasaskan sawit. Selain itu, peserta seminar turut didedahkan mengenai industri oleokimia dan keselamatan industri sawit.

Inisiatif penganjuran seminar teknikal dapat menerapkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai industri sawit, kebaikan nutrisi minyak ini dari aspek kesihatan, produk berasaskan sawit di Malaysia kepada semua peserta yang terbabit.

# Dr Loh, Dr Ahmad Parveez diiktiraf saintis cemerlang MPOB

» Sumbangan kajian mampu beri impak, perubahan besar industri sawit

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar  
nurhajar@mpob.gov.my

► Seri Kembangan

Dua saintis MPOB iaitu Dr Loh Soh Kheang dan Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir telah menerima Anugerah Saintis Cemerlang MPOB sempena Majlis Anugerah MPOB yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Anugerah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perindustrian dan Komoditi Malaysia, Datuk Himmat Singh.

Masing-masing membawa pulang wang tunai berjumlah RM10,000 berserta plak dan sijil penghargaan.

Anugerah Saintis Cemerlang berprinsipkan kecemerlangan sains dan dilihat mampu memberi impak dan perubahan besar kepada industri sawit.

Anugerah ini diwujudkan sebagai pengiktirafan MPOB kepada individu yang telah mencapai kecemerlangan sains ke tahap kepakaran yang diiktiraf dalam bidang masing-masing seperti yang

dibuktikan kedua-dua saintis itu dalam mewarnai industri dengan sumbangan idea yang bernas.

Pemenang pertama, Dr Loh Soh Kheang, 45, yang menyandang jawatan sebagai Pegawai Penyelidik Prinsipal adalah dari bahagian Penyelidikan Kejuruteraan dan Pemrosesan.

Beliau yang berkhidmat selama 13 tahun di MPOB dengan kepakaran dalam bidang Biojisim dan Biotenaga, Tenaga dan Persekitaran adalah pemegang Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam Inorganic Chemistry daripada National University of Singapore dan Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau yang memulakan kerjaya sejak tahun 2004 di MPOB, adalah ketua unit di Unit Tenaga dan Persekitaran dan pengetahuan luas beliau dalam bidang tenaga dan persekitaran sememangnya diperakui pada peringkat kerajaan, kementerian dan juga industri.

### Pacu NKEA

Dr Loh menganggotai kumpulan penyelidik yang menyumbangkan sokongan teknikal dan saintifik dalam memacu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mampu meningkatkan pendapatan kasar negara.

Beliau turut menjadi anggota Delegasi Malaysia dalam Perundingan Perubahan Iklim di United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) selain menjadi ahli dalam



Dr Loh Soh Kheang (gambar kiri) dan Dr Ahmad Parveez Ghulam ketika menerima Anugerah Saintis Cemerlang MPOB, baru-baru ini.



kerjasama kumpulan Greenhouse Gas Inventory (Sektor Sisa dan Tenaga).

Dr. Loh Soh Kheang turut aktif terbabit dalam 'Clean Development Mechanisms' di bawah Kyoto Protocol.

Kepakaran beliau dalam bidang diceburi turut dikongsi apabila beliau turut menulis lebih 20 artikel ilmiah dan menghasilkan lapan paten.

Beliau menerima pelbagai anugerah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam penerbitan saintifik termasuk anugerah berprestij seperti 'The Agricultural Invention Order of Merit 2012, The IP Award for Best

Inventor 2012 dan Anugerah Karya Inovasi Saintis yang dianjurkan oleh Kementerian Perindustrian dan Komoditi Malaysia.

Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, 48, berkelulusan PhD Kejuruteraan Genetik daripada Universiti Putra Malaysia, Sarjana Sains Genetik Molekular daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Genetik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau yang berkhidmat selama 21 tahun di MPOB adalah Pegawai Penyelidik Gred Khas C (VK7) di Bahagian Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biakbaka dan pakar

dalam bidang kejuruteraan genetik.

Kecemerlangan penyelidikan Dr Ahmad Parveez bermula dengan kejayaan beliau menghasilkan pokok sawit transgenik pertama pada tahun 1997 yang melayakkan beliau menerima pelbagai anugerah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti anugerah Anugerah Wilton R Earle daripada Persatuan Biologi In Vitro USA pada 1998 serta Anugerah Saintis Muda Negara 2001.

Selain kajian kejuruteraan genetik sawit untuk menghasilkan pelbagai produk bernilai tinggi, beliau juga aktif dalam bidang biokeselamatan dan dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik (GMAC) di bawah Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sejak Mei 2010.

### 11 paten

Beliau berjaya menghasilkan lebih 50 penerbitan di dalam jurnal berwasit dan turut terbabit dalam memfailkan sebanyak 11 paten yang mana empat daripadanya telah digerankan.

Beliau juga menjadi pemeriksa luar bagi pelajar ijazah lanjutan selain banyak memberi tunjuk ajar. Beliau juga membimbing pegawai di bawah beliau sehingga memungkinkannya banyak penerbitan berwasit dihasilkan dan beliau amat berbangga apabila pegawai di bawah seliaan beliau menerima anugerah Ten Outstanding Young Malaysian (TOYM) pada tahun 2014, anugerah yang sama yang pernah diterima beliau pada tahun 2006.

Antara anugerah berprestij lain yang pernah diterima Dr Ahmad Parveez adalah Anugerah Tokoh Pekerja Kebangsaan 2007 dan Anugerah Maulidurusul Peringkat Kebangsaan 2006.



Kajim Chi di kebun sawit miliknya.

## Berbudi pada tanah dapat hasilnya jua

Oleh Khairul Abidin dan Ardyan Abd Aziz

**Berbudi** pada tanah akan dapat hasilnya jua, itulah antara bait ayat yang menjadi perangsang Kajim Chi, pekebun kecil sawit kelahiran Kampung Lubok Punggor, Simujan, Sarawak.

Beliau bertekad berhijrah ke Miri pada tahun 1976 untuk mencari nafkah menampung kehidupan dengan bekerja di salah sebuah syarikat perladangan sebagai pekerja am ladang.

Disebabkan kos sara hidup yang semakin meningkat, Kajim nekad menceburi bidang perladangan sawit. Pada hujung tahun 2000, berbekalkan modal dari wang simpanan yang dikumpul bersama isteri, beliau membeli

sebidang tanah dan 500 anak benih sawit berkualiti dari Pertubuhan Peladang Kawasan dengan harga RM6 sepokok.

Beliau membersihkan kawasan ladangnya secara manual bersama anak-anak serta saudara mara disebabkan pada masa itu amat sukar mendapatkan khidmat jentera untuk penyediaan kawasan.

Kajim mengamalkan sistem penanaman segitiga dengan jarak tanaman 8.8m x 8.8m x 8.8m dengan kepadatan tanaman 148 pokok/ha.

Kerja-kerja pengurusan kebun seperti pembajaan dan merumpai dilakukan sendiri dibantu ahli keluarganya secara sistematik.

Beliau sangat bersyukur kerana boleh mendapatkan input pertanian dengan mudah daripada rakan lama yang masih bekerja di sektor perladangan.

Beliau menitikberatkan kualiti buah tandan segar (BTS) yang dituai kerana ia penting bagi mengekalkan kualiti buah mengikut piawaian ditetapkan.

Penuaian dilakukan sebanyak dua pusingan setiap bulan dan piawai kemasakan ialah antara 2-5 biji buah masak yang jatuh ke tanah. Buah relai dikutip sepenuhnya bagi mengelakkan VOP (Volunteers Oil Palm) tumbuh di bawah pokok sawit.

Amalan penuaian BTS yang betul ini dapat mengelakkan beliau daripada dikenakan penalti semasa menghantar BTS ke kilang yang letaknya kira-kira 5 kilometer dari kebun beliau. BTS akan dihantar tidak lewat dari 24 jam selepas dituai bagi menjamin kesegaran buah serta kualiti minyaknya.

Beliau mempunyai sebuah jentera pengangkut 'Badang' serta lori

bermuatan 5 tan bagi memudahkannya kerja-kerja penuaian.

Kajim juga menyediakan sebuah bengkel penyelenggaraan dan baik pulih jentera dalam memastikan jentera dan lori yang digunakan sentiasa berada dalam keadaan baik. Kerja-kerja ini banyak dibantu oleh anak beliau yang mempunyai kepakaran dalam bidang membaiki pulih jentera dan kenderaan.

Minat beliau dalam bidang perindustrian sawit semakin menebal tahun demi tahun apabila melihat potensi ekonomi sawit yang semakin kukuh.

Beliau yang juga Ahli Kelab 30 Tan MPOB bagi kawasan Sibuti turut mendapatkan bimbingan Pusat TUNAS (Tunjuk Ajar Nasihat Sawit) di bawah MPOB yang memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil.



# Penguatkuasaan FIC tingkat kesedaran mengenai minyak sawit di Eropah

» *Pengenalan MSPO bukti kepimpinan Malaysia industri minyak sawit global*

**M**ajlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) mengalu-alukan penguatkuasaan Peraturan Maklumat Pemakanan Pengguna EU (FIC) yang dilihat akan meningkatkan kesedaran dan ketelusan mengenai minyak sawit di Eropah bermula pada 14 Disember 2014. Minyak sawit adalah ramuan penting dalam pelbagai produk makanan di Eropah dan MPOC yakin para pengguna di Eropah akan mula menyedari pelbagai manfaat dan kegunaan minyak sawit Malaysia.

Selain itu, 2015 akan menjadi tahun yang penting kepada industri minyak sawit Malaysia apabila standard baru Minyak Sa-

wit Lestari Malaysia (MSPO) akan diperkenalkan. Pengenalan standard ini akan meningkatkan lagi jaminan kemampunan minyak sawit Malaysia serta membuktikan kepimpinan Malaysia dalam industri minyak sawit global.

MSPO juga membuktikan peranan penting industri sawit Malaysia dalam menyediakan pelbagai peluang pembangunan ekonomi dan pekerjaan termasuk kepada 300,000 petani kecil di seluruh negara, di samping mengekalkan komitmen Malaysia kepada kemampunan dan perlindungan alam sekitar.

Pada tahun ini MPOC juga berhasrat untuk meningkatkan lagi usaha-usaha industri di Eropah terutamanya dalam mendidik dan memberi maklumat yang lebih baik dan tepat kepada para pengguna mengenai kebaikan dan kemampunan minyak sawit.

## Bekal minyak sawit berkualiti

Menurut Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron, Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, pengeluaran minyak sawit di Malaysia menerima baik keputusan Kesatuan Eropah dalam menguatkuasakan peraturan baru pemakanan FIC ini. Di bawah peraturan ini, minyak sawit yang terkandung dalam produk makanan akan dilabelkan dengan jelas di negara Kesatuan Eropah. Beliau juga menegaskan industri minyak sawit Malaysia dengan bangganya akan terus membekalkan syarikat Eropah dan penggunaannya dengan minyak sawit yang berkualiti tinggi yang dihasilkan secara mampan dan bertanggungjawab oleh para petani kecil dan syarikat-syarikat besar tempatan.

Tan Sri Datuk Dr Yusof juga menyarankan kepada penguatkuasa-penguatkuasa di FIC ini supaya menguatkuasakan peraturan baru ini dengan betul dan

telus. Ini kerana ketika ini terdapat pelbagai jenis label di Eropah yang tidak diperuntukkan di bawah Peraturan FIC itu. Sebagai contoh, sesetengah syarikat di Perancis dan Belgium seperti Casino, Galler, Limagrains dan Delhaize telah memperkenalkan label tambahan ke atas produk makanan jualan mereka yang mengandungi slogan 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit'.

## Fitnah imej baik minyak sawit

Langkah mereka ini dilihat dengan jelas tidak mengikutinya peraturan pelabelan minyak sayuran di bawah FIC. Malah, label seperti ini tidak menyampaikan suatu tujuan maklumat kepada pengguna malah bertujuan semata-mata untuk memfitnah imej baik minyak sawit dan memberi maklumat yang salah kepada para pengguna.

Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron menegaskan analisis oleh firma



Hogan Lovells yang merupakan pakar undang-undang terkemuka dunia telah membuktikan bahawa label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' di Kesatuan Eropah menyalahi undang-undang di bawah FIC. Malah, ia juga menyalahi pelbagai undang-undang Kesatuan Eropah yang lain serta undang-undang Perancis dan Belgium. Berikutan tarikh akhir 13 Disember, MPOC berharap pihak berkuasa yang berkaitan di Perancis dan Belgium telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyekat penggunaan label ini demi melindungi para pengguna dan perdagangan daripada amalan-amalan perlabelan yang tidak adil di Kesatuan Eropah.

## KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan alu gerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia.  
*Kesihatan sejati. Amalan dan standard.*



Organised By:



1st Announcement

## POINTERS Palm Oil Internet Seminar

Opportunities, Challenges and Trend in 2015 CPO Price

23 February 2015 - 1st March 2015

Login at [www.pointers.org.my](http://www.pointers.org.my)

Spend that week to interact with the speakers

Papers to be discussed at the upcoming POINTERS

### Section 1 : Price

Paper 1: Global Oils and Fats Outlook 2015

By Tan Sri Datuk Dr. Yusof Basiron, CEO MPOC

Paper 2: Palm Oil - Leveraging Its Availability to Meet Future Demand

By En. Ramli Abdullah, Director, Economics and Industry Development Division, MPOB

Paper 3: China's 2015 Oilseeds Crushing, Oils and Fats Outlook

By Jeffrey Xu, Overseas China Investment Limited

Paper 4: 2015 Global Oilseed Outlook

By Bill George, Senior Agricultural Economist, U.S. Department of Agriculture (USDA)

Paper 5: Marketing & Market Development

By En. Izzam Hassan, Manager, Market & Marketing Development, MPOC

Paper 6: Technical Analysis on CPO 2015 Price

By Benny Lee, Chief Market Strategist, Jupiter Securities Sdn. Bhd.

Paper 7: India - Major Market for Palm Products and Long Term Outlook

By Dr. B.V. Mahita, Executive Director, The Solvent Extractors' Association Of India

### Section 2 : Policy & Trade Issues

Paper 1: EU Biodiesel Market: Past, Present & Future

By Ms. Azriyah Azlan, Market Analyst, MPOC

Free Registration



**KUIZ SAWIT siri 50**

**Syarat penyertaan**

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6.
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang.
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang.
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **23 Februari 2015**.
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

**Ketua Pengarang Berita Sawit**

Kuiz Sawit (Siri 50)  
Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor  
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

**Soalan Kuiz Sawit Siri 50**

1. Berapakah jangka hayat optima sebatang pokok sawit?  
 25 tahun       10 tahun       5 tahun
2. Apakah konsep yang menjadi amalan dalam industri sawit bagi meminimumkan penghasilan dan pembuangan bahan buangan berbahaya ke alam sekitar?  
 Konsep Kitar Semula  
 Konsep Pembuangan Sifar  
 Konsep Pembuangan Habis
3. MPOB terletak di bawah kementerian apa?  
 2009 dan 2014       2011 dan 2012       2011 dan 2014
4. Negara manakah yang menjadi pengimport utama minyak sawit Malaysia?  
 China       Indonesia       Australia
5. Minyak sawit adalah minyak sayuran  
 Betul       Salah
6. MPOB mempunyai rangkaian pejabat serantau di negara berikut:  
 Indonesia       Sepanyol       Amerika Syarikat
7. Penggunaan bahanapi biodiesel mampu kurangkan pelepasan gas rumah hijau  
 Betul       Salah
8. Negara berikut adalah pengeluar minyak sawit dunia kecuali...  
 Australia       Thailand       Denmark
9. Permohonan lesen pekebun kecil baru boleh dibuat secara online menerusi  
 e-peniaga       e-pelesenan       e-registration
10. Tokotrienol sawit berupaya meningkatkan tahap imunisasi dalam sistem badan manusia...  
 Betul       Salah

**Borang Penyertaan Siri 50**

Nama : \_\_\_\_\_  
Tahap : \_\_\_\_\_  
Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
Alamat Rumah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
Poskod : \_\_\_\_\_  
No. Tel : \_\_\_\_\_

**Nama pemenang Siri 49**

- 1. **Syamie Nurani Shahrul Izwan**  
SK Gangsa, Dunian Tunggal, Melaka
- 2. **Muhammad Ameer Shauqi Mohd Khalid**  
SK Paroi, Seremban, N. Sembilan
- 3. **Yasmin Dania Junaidi**  
SK Precint 15 (1), Putrajaya
- 4. **Nur Syahidah Shahsul Anwar**  
SK Seri Budiman, Kuala Terengganu, Terengganu
- 5. **Muhammad Irfan Zulhilmil**  
SK Bechah Durian, Pasir Mas, Kelantan
- 6. **Ahmad Akmal Hazman**  
SK Pulau Indah, Bandar Armada Putra, Pulau Indah, Selangor
- 7. **Nurul Atiqah Aswa Badrulhisham**  
SK Seliau, Seremban, Negeri Sembilan
- 8. **Wan Badrtrisyia Saiffah Wan Rahmat**  
SK Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan
- 9. **Irfan Masyir Mohd Nasir**  
SK Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor
- 10. **Nur shahiratul Ashikin Ahmad Riduan**  
SK Taman Keramat 1, Taman Keramat, Kuala Lumpur

# Industri sawit menyumbang ke arah ekonomi mapan

**K**adaan ekonomi negara yang sedang membangun memerlukan sokongan dari pelbagai sektor terutamanya sektor pertanian dan perindustrian.

Kerajaan juga telah mengenal pasti bahawa kedua-dua sektor ini antara pemangkin dalam memacu pembangunan ekonomi negara.

Industri sawit merupakan pemangkin dalam sektor pertanian dan dapat membantu membangunkan ekonomi negara.

Industri sawit telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Industri sawit di Malaysia telah berkembang pesat berbanding lima dekad yang lalu terutamanya produk-produk yang berasaskan makanan.

Pasaran minyak sawit di negara ini telah diketahui umum dan diguna secara meluas di seluruh dunia. Negara tidak perlu bergantung harap kepada negara luar berkaitan bekalan minyak sayuran dan minyak mentah.

Kelapa sawit adalah satu komoditi pertanian utama bagi negara Malaysia dan perkembangannya berlaku dengan pesat sekali.

Selain pengeluaran minyak sawit mentah yang tinggi, hasil-hasil sampingan yang diperoleh negara juga tinggi.

Nilai pelaburan dalam industri minyak sawit Malaysia dilihat akan meningkat dan menjadikan hasil sawit antara punca pendapatan tukaran wang asing yang penting untuk negara.

Selain minyak sawit mentah, kelapa sawit juga dapat menghasilkan beberapa produk baharu antaranya ialah aiskrim, pengganti lemak koko (CBR), krimer, serbuk santan dan pembuatan makanan berasaskan daging. Penggunaan minyak sawit dan minyak isirung sawit dalam pembuatan makanan selain lemak sawit dapat menghasilkan makanan yang lebih tahan lama dan tidak mudah rosak.

Tanpa kolestrol, ia adalah makanan yang bersih dan selamat untuk dimakan. Ia juga tidak menimbulkan rasa kurang enak pada makanan malah sebaliknya.

Secara umumnya, Malaysia telah dikenali seantero dunia sebagai pengeksport minyak sawit dan minyak isirung terbesar di dunia. Malaysia menyumbang sebanyak lebih 50 peratus daripada pengeluaran minyak sawit dunia. Sekiranya harga satu tan minyak sawit mentah menurun, ia akan mempengaruhi ekonomi negara dan dapat menjejaskan nilai ringgit dalam mata wang dunia.

Seterusnya, pekebun-pekebun ke-

cil yang mempunyai ladang kelapa sawit turut menjadi orang tengah dalam menyalurkan hasil kelapa sawit kepada syarikat-syarikat yang berkaitan dengan industri sawit. Penglibatan pekebun kecil dalam sektor ini dapat meningkatkan taraf hidup dan mengurangkan kadar kemiskinan sejajar dengan matlamat yang telah digariskan di bawah Program Transformasi Ekonomi yang dijalankan oleh Kerajaan.

Pengeluaran sawit juga boleh ditingkatkan dengan melaksanakan projek Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Keadah ini mampu menambah pengeluaran sawit dan meningkatkan lagi kadar minyak sawit mentah dalam industri sawit negara.

Teknologi baru yang dicipta untuk industri sawit boleh digunakan untuk keseluruhan proses di kilang sawit dibuat secara berterusan. Alat teknologi dapat merawat efluen sawit dan tidak memerlukan kolam mendapan yang luas di kawasan kilang serta mesra alam.

Kesimpulannya, industri sawit dapat menyumbang ke arah ekonomi mampan dan merupakan suatu kejayaan buat negara ini. Hasil daripada tekad dan perjuangan banyak pihak, Malaysia kini memiliki sebuah industri yang bertaraf dunia. Pokok kelapa sawit banyak kegunaannya dan perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh negara. Jika industri sawit di negara ini terus berusaha dalam meningkatkan ekonomi negara, status negara maju menjelang tahun 2020 tidak mustahil dicapai.

**INFO**

**PEMENANG PERTAMA**

● **Muhammad Syahir Afham Rozili**  
● K/P: 000807-07-0561  
● SMK Sijangkang Jaya, Kg. Medan, 42500 Teluk Panglima Garang, Selangor

## Peraduan mengarang esei Berita Sawit Februari 2015

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Minyak sawit sumber bahan api mesra alam. Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap

bulan akan menerima;  
Hadiah Pertama : RM250  
Hadiah Kedua : RM200  
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Mac 2015 akan datang.

**Syarat Penyertaan:**

- Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- Panjang esei di antara 500 - 700 patah perkataan
- Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
- Keputusan juri adalah muktamad
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 Februari 2015
- Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit  
Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor

u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Januari 2015

Pemenang: **Hadiah Pertama**  
**Muhammad Syahir Afham Rozili**  
(No. K/P: 000807-07-0561)  
SMK Sijangkang Jaya, Kg. Medan  
42500 Teluk Panglima Garang  
Selangor

**Hadiah Kedua**  
**Iffah Chek Peei**  
(No. K/P: 990103-01-6714)  
SMk Tinggi Perempuan  
No. 1. Lorong Tun Fatimah  
Jalan Durian Daun,  
75450 Melaka

**Hadiah Ketiga**  
**An Nur Huda Mat Riffin**  
(No. K/P: 990915-03-6374)  
SMK Dato' Mahmud  
Paduka Raja 2  
KM 3, Jalan Machang  
17500 Tanah Merah  
Kelantan



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas **ketika melancarkan Penggunaan B7 di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan di Bintulu, Sarawak**, baru-baru ini. Turut hadir Menteri Muda Pelancongan Sarawak, Datuk Talib Zulpilip; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk Himmat Singh; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan wakil Hiliran Wilayah Sarawak, Shell Malaysia, Fred Anselmus.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon bergambar bersama **kakitangan agensi di bawah MPIC yang terjejas banjir** selepas menyerahkan sumbangan kepada mereka dalam satu majlis yang diadakan di Machang, Kelantan, baru-baru ini. Turut hadir Datuk Himmat Singh, Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia (LGM), Datuk Dr Salmiah Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Dr Jalaluddin Harun dan Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Samsudin Noor.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas **menandatangani plak sebagai simbolik perasmian loji pemprosesan biodiesel sawit milik SOP Green Energy Sdn Bhd (SOP) yang menggunakan teknologi MPOB**. Turut serta Datuk Himmat Singh, Datuk Dr Choo Yuen May, Pengerusi SOP, Tan Sri Datuk Ling Chiong Ho, Ketua Pegawai Eksekutif SOP, Paul Wong Hee Kwong dan Ketua Pegawai Operasi, Eric Kiu Kwong Seng.



Datuk Himmat Singh melawat pameran yang diadakan sempena **Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2015** di Kuala Lumpur, baru-baru ini, sambil diiringi Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr Choo Yuen May.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas bergambar bersama peserta **Bengkel Pra Makmal Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit dan Getah** yang turut dihadiri Datuk Himmat Singh, Datuk Dr Choo Yuen May, Datuk Dr Salmiah Ahmad dan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M. Nagarajan.